

29/08/2001

Sistem meritokrasi perlu dilaksana ikut peringkat

Hatipah Ahmad

PELAKSANAAN sistem meritokrasi dalam bidang pendidikan dijangka dapat menghasilkan lebih ramai pemikir dan profesional Melayu yang bermutu tinggi dan mempunyai daya saing di semua bidang termasuk doktor, peguam, kontraktor dan akauntan.

Jika ramai pelajar Melayu yang bermutu dapat dilahirkan melalui pelaksanaan meritokrasi, ia bukan saja meningkatkan semangat daya saing sesama mereka, malah antara kaum lain.

Malah, sistem itu dijangka dapat mengembalikan maruah dan martabat bangsa kerana pelajar Melayu sering dikatakan tidak mempunyai wawasan, tiada semangat persaingan dan lemah dalam semua bidang.

Seorang bekas pensyarah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Promosi dan Seranta Kongres Pendidikan Melayu Pertama, Dr Alias Mohamed, berkata semua pihak perlu faham yang dimaksudkan dengan meritokrasi seperti dicadangkan kerajaan, tanpa perlu mencampuradukkannya dengan perkara lain.

Maksud meritokrasi berasal daripada dua perkataan iaitu 'merit' dan 'krasi'. Merit bermaksud kepujian atau kecemerlangan atau dalam bahasa mudah, bermakna 'hanya yang terbaik layak' manakala perkataan krasi pula berasal daripada perkataan latin iaitu pemerintahan atau sistem pentadbiran sesebuah negara.

Katanya, pelaksanaan meritokrasi dalam bidang pendidikan, terutama pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dapat menjamin hanya anak Melayu yang terbaik di antara beribu-ribu mereka yang layak diterima masuk ke universiti.

Langkah ini, katanya, pasti dapat menjana semangat juang atau daya saing yang tinggi bagi murid sekolah untuk berusaha hingga ke peringkat tertinggi dalam peperiksaan supaya tidak ketinggalan dalam pemilihan kemasukan ke universiti.

"Masalahnya kini, kebanyakan orang Melayu keliru dan tidak faham mengenai banyak perkara terutama membabitkan sistem pendidikan dan matlamatnya, sistem kuota dan meritokrasi.

"Hasilnya, lahirlah sekumpulan pelajar Melayu yang gagal mempamerkan pencapaian sebenar dalam bidang akademik.

"Ada juga pelajar Melayu bersikap lebih teruk seperti malas, ponteng, tidak bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan terbabit dengan kegiatan di luar bidang pendidikan," katanya.

Dr Alias berkata, sistem meritokrasi sebenarnya sudah lama diamalkan oleh masyarakat bukan Melayu, terutama Cina serta menjadi amalan dan budaya kerja yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

"Budaya kerja seperti tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian hari ini adalah kunci kejayaan mereka hingga berjaya menjadikan bangsa yang berjaya dalam bidang ekonomi.

"Mana tidaknya, celik mata saja mereka sudah ada meritokrasi. Ia diamalkan bukan saja di peringkat prapersekolahan, sekolah rendah dan menengah, malah digunakan secara meluas dalam bidang perniagaan.

"Kefahaman mereka mengenai meritokrasi ditanam sejak kecil lagi bahawa minda yang hebat akan membawa kepada kejayaan dan sikap mudah berpuas hati tidak cukup untuk membolehkan seseorang itu berjaya," katanya.

Dr Alias berkata, kemelesetan sosial ini sebenarnya disedari oleh semua masyarakat Melayu pelbagai peringkat.

Katanya, masalah itu sering juga menjadi perbincangan cendekiawan yang berpendapat mungkin salah satu cara terbaik untuk menyelesaikan kemelut

ini ialah dengan melaksanakan meritokrasi.

Beliau berkata, walaupun meritokrasi dapat mengurangkan gejala pelajar malas, ponteng atau terbabit dalam kegiatan di luar bidang pendidikan, namun pelaksanaannya perlu dibuat mengikut strata atau peringkat tertentu dalam sistem pendidikan negara.

Ini bermakna, katanya, negara perlu mempunyai satu strata hirarki tertentu dalam sistem pendidikan atau peringkat tertentu di universiti bagi melaksanakannya, tanpa perlu mengeneipkan dasar kuota yang diamalkan selama ini.

Masyarakat perlu memahami dan menerima kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sistem kuota akan terus dikekalkan walaupun meritokrasi diperkenalkan, katanya.

Beliau berkata, selama ini kaedah yang digunakan dalam banyak bidang adalah mengikut dasar meritokrasi.

Contohnya seperti pemilihan pensyarah atau pelajar yang layak menerima biasiswa atau pengambilan pelajar ke sekolah asrama penuh seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

"Kesan daripada amalan meritokrasi yang dilaksanakan itu, pelajar MCKK yang berjaya dikeluarkan dulu terutama ketika pra dan awal kemerdekaan adalah antara lepasan pelajar yang paling baik dan menonjol bakatnya berbanding pelajar lain," katanya.

Dr Alias berkata, walaupun meritokrasi akan dilaksanakan dengan mengekalkan sistem kuota, masyarakat perlu ingat bahawa pencapaian mereka dalam pelbagai bidang masih lagi rendah.

Hakikat inilah yang membelanggu kerana masyarakat Melayu ketika ini masih lagi memerlukan kuota berikutan mereka tidak bersedia dan mampu untuk bersaing dengan bangsa lain.

Katanya, sistem kuota mungkin tidak perlu digunakan apabila tiba satu masa kelak di mana jumlah penduduk Cina lebih tinggi daripada Melayu. Ada pendapat mengatakan keadaan itu pasti akan berlaku selepas 100 tahun akan datang ataupun menjelang tahun 2030.

"Pada masa itu, mungkin sistem kuota perlu dihapuskan atas kehendak semasa, tetapi buat masa ini terutama ketika pencapaian pelajar Melayu masih rendah dan lebih dikuasai pelajar bukan Melayu di semua peringkat, jadi mereka masih perlu bergantung kepada kuota bagi kemasukan ke universiti.

"Ini kerana sistem kuota itu dapat melindungi hak dan kepentingan masyarakat Melayu bukan saja dari segi pencapaian dalam bidang pendidikan, malah untuk memastikan survival agama, politik dan ekonomi Melayu," katanya.

(END)